

LAPORAN SOKONGAN KEMUDAHAN FIZIKAL / INFRASTRUKTUR

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Universiti (MKSP) berkenaan laporan Sokongan Kemudahan Fizikal / Infrastruktur bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

2. LATAR BELAKANG

Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) adalah Pusat Tanggungjawab yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan sokongan kemudahan fizikal / infrastruktur kepada operasi Universiti secara menyeluruh. Fokus laporan ini adalah berkaitan dengan skop pengajaran dan pembelajaran yang menyokong pencapaian objektif EMS dan pematuhan Undang-undang Alam Sekitar yang terpakai.

3. SOKONGAN KEMUDAHAN FIZIKAL/INFRASTRUKTUR

Penyelenggaraan

a. Pengurusan Tenaga

i. Sistem elektrik dalam bangunan

bagi menyokong pengurusan tenaga elektrik yang efisien dalam bangunan, PPPA telah melaksanakan Program Kontrak Prestasi Tenaga (EPC) di bangunan yang berpotensi tinggi dilaksanakan penjimatan tenaga elektrik..Setakat ini 3 PTJ yang terlibat dengan program EPC ini.

- ii. **Pencawang dan Bekalan Elektrik Utama**
Bagi menjadikan pemasangan pembekalan dan agihan tenaga elektrik yang lebih baik, penyelenggara secara berkala melalui perkhidmatan berkontrak telah dilaksanakan.

 - iii. **Pembacaan meter**
Bagi memantau penggunaan elektrik dibangunan-bangunan , aktiviti pembacaan meter dilaksanakan secara sendiri setiap bulan. Pembacaan meter secara online juga dipraktikkan bagi memastikan bacaan penggunaan tenaga yang lebih berkesan.
- b. **Air Kumbahan**
Bagi memastikan air buangan yang dilepaskan terkawal, Sistem Rawatan Kumbahan diselenggara secara berkala melalui perkhidmatan berkontrak. Efluen dari loji kumbahan akan dibuat pengujian untuk tujuan pengawalan.
- c. **Pengurusan Sisa Pepejal**
Bagi memastikan pengurusan sisa pepejal terkawal, pengurusan pembuangan sampah diselenggara secara berkala melalui perkhidmatan berkontrak.

4. CADANGAN/SYOR

- a. **Pengurusan Tenaga**
 - Cadangan Fasa kedua EPC yang akan diperluaskan ke PTJ-PTJ lain.
 - Menaiktaraf meter tarif (kWh meter) dari eletromekanikal ke digital.

- b. **Air Kumbahan**
 - Menaiktaraf sistem rawatan kumbahan yang usang dan uzur.

c. Pengurusan Sisa Pepejal

- Menggunakan Sistem Zonning bagi memudahkan pemantauan dan pengurusan.

5. KESIMPULAN

Ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dipohon mengambil maklum berkenaan Laporan Sokongan Kemudahan Fizikal / Infrastruktur bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).